



## **SIARAN MEDIA**

Untuk Siaran Segera

### **Kunjungan Johari ke MPOB bagi mendalami perkembangan penyelidikan dalam industri sawit**

**BANGI, 8 Jan 2024** -- Menteri Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Johari Abdul Ghani hari ini mengadakan kunjungan ke Ibu Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di sini.

Ketibaan beliau disambut oleh Ketua Pengarah MPOB Datuk Dr Ahmad Parveez Hj. Ghulam Kadir. Beliau turut disertai oleh Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi dan Dato' Hj. Mad Zaidi Mohd Karli, Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian.

Beliau diberi taklimat mengenai peranan MPOB dan kemajuan bidang penyelidikan dan pembangunan yang meliputi semua aspek sawit.

Penyelidikan MPOB menghasilkan bahan tanaman sawit seperti PS1.1 dan Siri Klon Sawit yang meliputi CPS 1, CPS 2 dan CPS 3 yang ditawarkan kepada pihak industri bagi penanaman secara komersial bagi pengeluaran hasil sawit yang tinggi.

Baka PS1.1 yang berciri renek berupaya menghasilkan pengeluaran minyak yang tinggi iaitu lapan tan sehektar setahun, nisbah minyak ke buah melebihi 30 peratus serta bermanfaat untuk penuaian kerana ciri pokok renek. Benih sawit CPS 1 antara lain berupaya menghasilkan buah tandan segar melebihi 30 tan sehektar setahun dan hasil minyak antara 8 hingga 10 tan sehektar setahun. CPS 2 yang rakis pendek sesuai untuk penanaman berkepadatan tinggi hingga 200 pokok sehektar, manakala CPS 3 dapat menghasilkan minyak yang tinggi iaitu 11.3 tan sehektar setahun.

Datuk Seri Johari berkata sektor perladangan perlu bekerjasama dengan MPOB dengan mengambil peluang dalam mengetengahkan hasil penyelidikan seperti

penggunaan bahan tanaman sawit berkualiti yang dihasilkan melalui kemajuan bioteknologi dan teknik tisu kultur.

Menurut beliau, MPOB harus menjadi penanda aras kepada dunia dalam semua penyelidikan dari sektor hulu ke sektor hilir berkaitan minyak sawit.

“Industri sawit memberi sumbangan penting kepada ekonomi negara yang menjana lebih RM130 bilion kepada pendapatan negara,” kata beliau ketika sesi taklimat tersebut.

Sehingga kini, MPOB telah membangunkan 714 teknologi merangkumi semua sektor dalam industri sawit termasuk formulasi produk makanan dan bukan makanan berasaskan sawit. Sebanyak 233 teknologi atau 32.7 peratus daripada teknologi ini telah dikomersialkan dan diterima pakai oleh industri dan usahawan.

Teknologi MPOB yang sedia untuk dikomersialkan meliputi pengeluaran bahan tanaman berkualiti, baka klon sawit, formulasi baja sawit, teknik kawalan penyakit dan serangga perosak, mekanisasi ladang, teknologi pengilangan dan pemrosesan, teknologi hijau, formulasi produk makanan dan makanan haiwan serta produk oleokimia berasaskan sawit.

Penyelidikan MPOB dilaksanakan bagi memenuhi keperluan industri dan menangani cabaran dalam dan luar negara. MPOB berjaya melaksanakan penyelidikan genom sawit dengan matlamat melestarikan industri sawit melalui penggunaan bahan tanaman berkualiti dan alat pengesan baka benih sawit tulen untuk penanaman di ladang.

Seiring dengan perkembangan teknologi penjujukan, MPOB meneruskan penjujukan secara skala penuh pada 2009 dan terjemahan dan pentafsiran genom sawit oleh MPOB telah berjaya diterbitkan dalam jurnal saintifik berprestij, “Nature” pada tahun 2013. Penerbitan genom sawit ini telah menjadi rujukan utama dunia yang mendorong penerokaan penemuan lain oleh para saintis yang berusaha ke arah kelestarian serta peningkatan tahap ekonomi dan sosial.

Pencapaian penyelidikan MPOB dalam semua aspek sawit diterbitkan dalam penerbitan bertajuk *Advances in Oil Palm Research (Second Edition)*. Penerbitan terbaharu MPOB menampilkan secara komprehensif kemajuan penyelidikan industri sawit sepanjang 2011 sehingga 2020.

MPOB ditubuhkan pada 1 Mei 2020, sebuah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Perladangan dan Komoditi yang bertanggungjawab untuk pembangunan industri sawit di Malaysia. Peranan utamanya adalah untuk menggalakkan dan membangunkan objektif, dasar dan keutamaan negara untuk kesejahteraan industri sawit Malaysia.

MPOB memberi tumpuan kepada penyelidikan dan pembangunan di sepanjang spektrum nilai industri sawit untuk memastikan ia mencapai tahap yang lebih baik. MPOB juga bertanggungjawab mengawalselia industri sawit melalui menyelia aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan bagi memastikan aktiviti industri sawit negara beroperasi dengan baik.

MPOB komited bagi memastikan pembangunan industri sawit dengan mewujudkan sinergi antara kemakmuran ekonomi, pembangunan mampan dan penambahan nilai untuk memastikan pertumbuhan masa depan dijalankan dalam rangka kerja yang mampan.

Di bawah kepimpinan Datuk Seri Johari, MPOB tekad dalam memacu kemajuan industri sawit bagi menjana kesejahteraan ekonomi negara dan menjadi penggiat utama dalam sektor minyak sayuran global.

**-tamat -**